



جَبَاتَانِ هَالِ اَهْوَالِ اِغَامَا اِيسْلَامِ نَغَرِي سَابَاهِ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

اَلْخُطْبَةُ الْجُمُعِيَّةُ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

24 MUHARAM 1448H/ 10 JULAI 2026M

“HENTIKAN TABIAT MENGUMPAT”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU :

- » Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah Jumaat menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- » Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- » Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- » Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- » Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- » Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak kod QR ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ وَبَعَثَ التَّيَّيْنَ مُبَشِّرِينَ وَمُنْذِرِينَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ الْأَمِينُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ
إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَّعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ
أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati di dunia dan dirahmati di akhirat. Tajuk Khutbah Jumaat pada kali ini ialah: **“Hentikan Tabiat Mengumpat”**. Saya ingin mengingatkan para jamaah agar memberikan tumpuan seketika kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya sekiranya kita berada di rumah Allah SWT untuk menunaikan ibadah dan mendengar peringatan agama, namun hati serta fikiran masih lalai dan dipenuhi urusan dunia. Justeru, marilah kita memanfaatkan kesempatan ini dengan menghayati setiap nasihat yang disampaikan agar menjadi pedoman dalam meningkatkan keimanan, ketakwaan dan amal soleh.

SIDANG JAMAAH JUMAAT SEKALIAN,

Sebahagian daripada kita menggelarnya dengan perkataan *mengelimut*, *mongolimut*, *mogohimut*, *mampaluta*, atau *mattoget*. Ada pula yang menggelarnya dengan terma bahasa yang lebih moden seperti bergosip dan membawang. Kesemua yang disebutkan tadi merujuk kepada aktiviti

mengumpat. Maksud perbuatan mengumpat adalah sebagaimana yang disebutkan dalam sebuah hadis riwayat Muslim. Rasulullah SAW bersabda:

أَتَذَرُونَ مَا الْغَيْبَةُ؟ قَالُوا: اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ، قَالَ: ذِكْرُكَ أَخَاكَ بِمَا يَكْرَهُ.

Maksudnya: “Adakah kamu tahu apakah itu mengumpat?” Para sahabat berkata, “Hanya Allah dan Rasul-Nya yang mengetahuinya.” Nabi SAW bersabda, “Kamu menyebut perihal saudaramu dengan perkara yang tidak disukainya.”

Mengumpat bukan sekadar bicara yang terlepas di hujung lidah, tetapi luka yang diukir pada maruah saudara tanpa pengetahuannya. Menyebut kekurangannya di belakangnya, walaupun benar, itulah yang dinamakan mengumpat. Namun apabila yang dituturkan itu tidak benar, maka lidah itu bukan lagi sekadar melukakan, bahkan telah menabur fitnah, dosa yang lebih berat dan boleh mengundang kemurkaan Allah. Dalam hadis yang sama, Rasulullah SAW bersabda:

إِنْ كَانَ فِيهِ مَا تَقُولُ فَقَدْ اغْتَبْتَهُ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهِ فَقَدْ بَهَتَّهُ

Maksudnya: “Jika apa yang kamu katakan itu benar padanya, maka kamu telah mengumpatnya, dan jika tidak benar, maka kamu telah memfitnahnya.” (Riwayat Imam Muslim)

SIDANG JUMAAT SEKALIAN,

Allah SWT telah menciptakan kita sebagai makhluk sosial. Hal ini menjadi satu fakta dan lumrah kehidupan yang tidak dapat dinafikan bahawa setiap daripada kita saling memerlukan antara satu sama lain. Cara untuk kita menterjemahkan keperluan sosial ini adalah melalui komunikasi dan interaksi harian. Melalui lisan yang berbicara atau melalui pesanan yang dihantar, kita membina jambatan silaturahim, bertukar idea, menyelesaikan urusan *muamalah*, dan menyatakan kasih sayang sesama insan. Islam tidak pernah melarang kita bersosial, malah menggalakkan hubungan yang harmoni dalam masyarakat. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT melalui surah al-Hujurat, ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا....

Maksudnya: *“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)”*

Namun, lihatlah realiti semasa yang berlaku di sekeliling kita hari ini. Jambatan komunikasi yang sepatutnya menjadi penyambung rahmat, kini kerap kali bertukar menjadi lubang dosa yang membinasakan. Tabiat mengumpat kini seolah-olah telah dinormalisasikan dalam interaksi harian masyarakat. Sedar atau tidak, mengumpat telah dijadikan sebagai bahan pemanis kata atau mukadimah wajib dalam setiap pertemuan. Sama ada ketika duduk santai di kedai kopi, dalam perjumpaan majlis tertentu, di kaunter pejabat semasa waktu rehat, mahupun di perkarangan masjid sebelum azan berkumandang.

Malah, apa yang lebih parah, pada era digital dan teknologi ini, mengumpat tidak lagi terhad melalui lisan secara fizikal. Perbuatan ini telah berevolusi ke alam maya. Lihat sahaja di dalam kumpulan *WhatsApp*, ruangan komen aplikasi *TikTok*, *Facebook*, dan *X* (dulunya dikenali sebagai *Twitter*) masing-masing. Sesi membedah aib orang, menyebarkan cerita “dalam kain” dan menghukum peribadi individu tertentu dilakukan secara terbuka tanpa sempadan. Ayat penafian seperti, *“Bukan mahu mengumpat bah, tapi... .”* atau *“Kamu mahu tahu cerita syok... .”* sering kali menjadi lesen mudah untuk kita terus menghiris maruah saudara kita sendiri.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Ketahuilah, jika tabiat buruk ini terus dibiarkan tanpa sebarang usaha untuk membendungnya, perkara ini bukan lagi sekadar menjadi dosa peribadi, bahkan tabiat ini akan meresap masuk menjadi budaya yang merosakkan seluruh tiang masyarakat. Apabila mengumpat sudah dianggap sebagai budaya yang lumrah, maka runtuhlah nilai kepercayaan sesama komuniti. Suasana harmoni akan bertukar menjadi penuh syak wasangka, dendam, dan benci-membenci. Ingatlah amaran Allah SWT dalam surah al-Hujurat, ayat 12 seperti yang dibacakan pada awal khutbah sebentar tadi **yang bermaksud:** *“Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan, sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mengintip atau*

mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka tentulah kamu jijik kepadanya. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.”

Menceritakan keburukan orang lain disamakan dengan memakan daging saudara sendiri yang sudah menjadi mayat. Betapa jijiknya perbuatan ini di sisi syarak! Malah, Rasulullah SAW juga telah memberi amaran tentang golongan muflis di akhirat, iaitu mereka yang datang pada hari kiamat dengan pahala solat, puasa, dan zakat yang menggunung, namun akhirnya muflis kerana pahala tersebut terpaksa diserahkan kepada orang lain akibat lisan yang suka mencaci, memfitnah, dan mengumpat sewaktu di dunia.

SIDANG JUMAAT YANG DIREDAI ALLAH,

Oleh itu, bagaimanakah kita selaku umat Islam dapat menghentikan tabiat mengumpat ini? Di sini, Islam menawarkan tiga langkah konkrit yang praktikal untuk kita amalkan bermula hari ini:

Langkah Pertama: Tapis Sebelum Sebar (Formula Fikir Sebelum Bicara)

Sebelum kita mula menceritakan perihal orang lain, atau sebelum jari-jemari menekan butang “hantar” dan “kongsi” di media sosial, tapis dahulu dengan tiga soalan sendiri. **Pertama**, adakah cerita ini benar? **Kedua**, adakah cerita ini perlu dan membawa manfaat untuk disebar? **Ketiga**, adakah cerita ini menjaga aib sesama Muslim? Sekiranya jawapannya tidak, maka pilihlah untuk diam. Rasulullah SAW bersabda **yang bermaksud**: *“Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata baik atau diam.”* (Riwayat al-Bukhari)

Langkah Kedua: Suntik Keberanian Iman Untuk Menegur Secara Berhikmah

Tegurlah perbuatan mengumpat dengan baik atau tukar topik perbualan kepada perkara yang lebih membina. Di alam siber, lakukan “pembersihan” media sosial dengan tidak memberi tontonan, tanda suka, atau komen pada kandungan yang berbaur gosip dan fitnah. Keengganan kita untuk mendengar merupakan ubat yang akan mematikan budaya

mengumpat daripada terus dianggap normal. Firman Allah SWT melalui surah ali-'Imran, ayat 110 **maksudnya:** *“Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)... .”*

Langkah Ketiga: Bersemuka dan *tabayyun*

Gantikan tabiat berbisik-bisik di belakang dengan budaya bersemuka secara matang dan ber-*tabayyun* yakni selidik terlebih dahulu sekiranya berlaku sebarang salah faham. Pada masa yang sama, sekiranya hati kita mula dijentik rasa meluat atau benci terhadap kekurangan seseorang, nafikan hasutan syaitan itu dengan mendoakan kebaikan untuk orang tersebut secara diam-diam. Sabda Rasulullah SAW **yang bermaksud:** *“Doa seorang Muslim untuk saudaranya secara sembunyi tanpa pengetahuan saudaranya ialah doa yang mustajab. Di sisi orang yang berdoa ini ada malaikat yang ditugaskan mengaminkan doanya.”* (Riwayat Muslim)

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Sebagai penutup khutbah pada hari ini, marilah kita merenung sejenak ke dalam lubuk sanubari kita sendiri, sambil menyusun sepatah pesan puitis buat bekalan pulang ke rumah:

Lidah itu laksana mata belati,
Sekali terhiris, berdarahlah hati.
Mengapa gembira membedah aib sesama sendiri,
Sedang pahala kian menipis saban hari?

Rugilah berhimpun mencari pahala,
Jika aib saudara menjadi cela,
Amalan menggunung hanyut binasa,
Di Padang Mahsyar menanggung dosa.

Janganlah leka, cerminlah diri,
Mari segera memohon ampunan Ilahi,
Sediakan bekalan untuk akhirat nanti,
Sebelum jasad menjadi bumi.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam surah ali-'Imran, ayat 133 **yang bermaksud:** *“Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتُهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, bantulah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang terkeji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap *tabayyun* serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah di masjid-masjid, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah jadikan jamaah solat fardhu kami sama seperti jamaah Jumaat pada hari ini. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah, ampunkanlah dosa kami dan dosa kedua ibu bapa kami. Peliharalah institusi kekeluargaan kami agar dipenuhi dengan *sakinah*, *mawaddah*, dan rahmah. Jadikanlah rumah tangga kami madrasah iman dan takwa bagi anak-anak kami.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedarkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Nota:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.
Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi:

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

No. telefon: 088-522127

E-mel: jheains.penerbitan@gmail.com